



PENGARUH KEMAHIRAN KOMUNIKASI,
KEMAHIRAN PROFESIONALISME DAN KEMAHIRAN
LITERASI TEKNOLOGI KE ATAS
KEBOLEHPASARAN GRADUAN DALAM KALANGAN
MAHASISWA FAKULTI PENGURUSAN DAN
EKONOMI (FPE), SEMESTER 7 DI UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)



NURUL FAIZZA AMIRAH BINTI SUKARIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





PENGARUH KEMAHIRAN KOMUNIKASI, KEMAHIRAN PROFESIONALISME
DAN KEMAHIRAN LITERASI TEKNOLOGI KE ATAS KEBOLEHPASARAN
GRADUAN DALAM KALANGAN MAHASISWA FAKULTI PENGURUSAN
DAN EKONOMI (FPE), SEMESTER 7 DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN
IDRIS (UPSI)

NURUL FAIZZA AMIRAH BINTI SUKARIS



PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA PENDIDIKAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (DENGAN
KEPUJIAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

Perakuan ini telah dibuat pada 12 Febuari 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURUL FAIZZA AMIRAH BINTI SUKARIS, D20201094020, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PENGARUH KEMAHIRAN KOMUNIKASI, KEMAHIRAN PROFESIONALISME DAN KEMAHIRAN LITERASI TEKNOLOGI KE ATAS KEBOLEHPASARAN GRADUAN DALAM KALANGAN MAHASISWA FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (FPE), SEMESTER 7 DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. RAFIDURAI DA BINTI ABDUL RAHMAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH KEMAHIRAN KOMUNIKASI, KEMAHIRAN PROFESIONALISME DAN KEMAHIRAN LITERASI TEKNOLOGI KE ATAS KEBOLEHPASARAN GRADUAN DALAM KALANGAN MAHASISWA FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (FPE), SEMESTER 7 DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN) DENGAN KEPUJIAN.

Tarikh

Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat ilahi, dengan ini dapat saya menyiapkan projek tahun akhir walaupun terdapat banyak halangan dan rintangan yang saya hadapi dalam menyiapkan tugas ini. Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T kerana memberi kesihatan yang baik, kecerdasan akal fikiran serta mengurniakan orang yang baik sepanjang menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung.

Sekalung penghargaan juga buat penyelia saya, Dr. Rafiduraida binti Abdul Rahman yang telah memberi tunjuk ajar, teguran, galakan serta banyak membantu saya dalam melakukan penambahbaikan dalam kajian saya. Selain itu, terima kasih juga buat pensyarah-pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) yang turut membantu saya sepanjang kajian ini dilakukan.

Tidak lupa juga buat ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan, sokongan dan semangat dalam menyiapkan penyelidikan ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi menjadi responden saya serta banyak berkongsi ilmu dan saling memberi semangat sewaktu menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, sekalung penghargaan buat semua yang terlibat di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) dan Pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sepanjang pengajian saya di sini.

Sekian, terima kasih

Nurul Faizza Amirah Binti Sukaris
Universiti Pendidikan Sultan Idris
2023



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh kemahiran komunikasi, kemahiran profesionalisme dan kemahiran literasi teknologi ke atas kebolehpasaran graduan dalam kalangan mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), semester 7 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan kuantitatif iaitu borang soal selidik dengan menggunakan skala Likert lima mata melalui aplikasi google form. Sampel kajian terdiri daripada 235 orang mahasiswa tahun akhir, iaitu mahasiswa semester 7 Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menggunakan teknik pensampelan mudah. Analisis deskriptif digunakan untuk menerangkan profil responden. Manakala, analisis inferens, iaitu analisis regresi linear pelbagai digunakan untuk menguji pengaruh kemahiran komunikasi, kemahiran profesionalisme dan kemahiran literasi teknologi ke atas kebolehpasaran graduan. Hasil dapatan kajian menunjukkan pengaruh yang signifikan antara kemahiran komunikasi ($B=0.292$, $P=0.001$) dan kemahiran literasi teknologi ($B=0.610$, $P=0.001$) keatas kebolehpasaran graduan. Manakala, kemahiran profesionalisme tidak menunjukkan pengaruh ke atas kebolehpasaran graduan secara signifikan. ($B=0.010$, $P=0.923$) Kajian ini berupaya memberikan panduan yang berguna kepada semua pihak khususnya mahasiswa untuk meningkatkan kebolehpasaran supaya memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan oleh majikan pada masa akan datang dalam dunia pekerjaan.



**THE INFLUENCE OF COMMUNICATION SKILLS, PROFESSIONALISM
SKILLS AND TECHNOLOGICAL LITERACY SKILLS ON THE
EMPLOYABILITY OF GRADUATES AMONG STUDENTS
FACULTY OF MANAGEMENT AND ECONOMICS (FPE),
SEMESTER 7 AT SULTAN IDRIS UNIVERSITY
OF EDUCATION (UPSI)**

ABSTRACT

This study aims to determine the influence of communication skills, professionalism skills and technology literacy skills on graduates employability among students of the Faculty of Management and Economics (FPE), semester 7 at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). This study uses a quantitative survey method which is a questionnaire using a five-point Likert scale through the google form application. The study sample consisted of 235 final year students, semester 7 students of the Faculty of Management and Economics at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) using a simple sampling technique or convenience sampling. Descriptive analysis was used to describe the profile of the respondents. Meanwhile, inference analysis, which is multiple linear regression analysis, is used to test the influence of communication skills, professionalism skills and technology literacy skills on graduates' employability. The results of the study show a significant influence between communication skills and technology literacy skills on graduates' employability. Meanwhile, professionalism skills do not show a significant influence on graduates' employability. This study is able to provide useful guidance to all parties, especially students, to improve employability in order to meet the criteria required by employers in the future in the world of work.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	13
1.6	Hipotesis Kajian	14
1.7	Kerangka Konseptual	14
1.8	Kepentingan Kajian	15
1.8.1	Mahasiswa	15
1.8.2	Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	16
1.8.3	Pihak Universiti	17
1.8.4	Pihak Pensyarah	18

1.8.5 Pihak Majikan	19
1.9 Batasan Kajian	20
1.10 Definisi Operasional Kajian	21
1.10.1 Kemahiran	21
1.10.2 Kemahiran Kebolehpasaran	22
1.10.3 Profesionalisme	23
1.10.4 Komunikasi	23
1.10.5 Literasi Teknologi	24
1.10.6 Graduan	24
1.11 Ringkasan Bab	25

BAB 2 ULASAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	26
2.2 Penjelasan Konstruk	27
2.2.1 Kebolehpasaran (Employability)	27
2.2.2 Kebolehpasaran Graduan	28
2.2.3 Kemahiran Komunikasi	30
2.2.4 Kemahiran Profesionalisme	31
2.2.5 Kemahiran Literasi Teknologi	33
2.3 Kerangka Teori	35
2.3.1 Teori Modal Insan	35
2.3.2 Teori Kognitif Sosial	38
2.3.3 Teori Kesepadanan Kerja	39
2.3.4 Teori Pembelajaran Sosial	41
2.3.5 Teori Holland	41
2.4 Pembangunan Hipotesis	42



2.4.1 Pengaruh kemahiran komunikasi ke atas kebolehpasaran graduan.	42
2.4.2 Pengaruh kemahiran profesionalisme ke atas kebolehpasaran graduan.	43
2.4.3 Pengaruh kemahiran literasi teknologi ke atas kebolehpasaran graduan.	45
2.5 Ringkasan Bab	46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	47
3.2 Reka Bentuk Kajian	48
3.3 Lokasi Kajian	50
3.4 Populasi dan Smpel	50
3.5 Instrumen Kajian	55
3.5.1 Pembahagian Item Soal Selidik	56
3.6 Kajian Rintis	61
3.6.1 Kesahan	61
3.6.2 Kebolehpercayaan	65
3.7 Pengumpulan Data	67
3.8 Analisis Data	68
3.8.1 Analisis Dekriptif	69
3.8.2 Analisis Inferensi	70
3.9 Ringkasan Bab	70

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	71
----------------	----



4.2	Analisis Diskriptif Demografik	72
4.2.1	Jantina	73
4.2.2	Umur	74
4.2.3	Etnik	75
4.2.4	Jabatan	76
4.2.5	Program Pengajian	77
4.3	Pengujian Awal: Pematuhan Andaian Regresi	79
4.3.1	Ujian Normaliti	79
4.3.2	Ujian <i>Outliers</i>	81
4.3.3	Ujian <i>Multicolinearity</i>	82
4.4	Dapatan Analisi Regresi Linear Pelbagai	84
4.5	Ringkasan Bab	89

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN LIMITASI

5.1	Pengenalan	90
5.2	Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian	91
5.2.1	Adakah kemahiran komunikasi mempengaruhi kebolehpasaran graduan?	93
5.2.2	Adakah kemahiran profesionalisme mempengaruhi kebolehpasaran graduan?	94
5.2.3	Adakah kemahiran literasi teknologi mempengaruhi kebolehpasaran graduan?	96
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	98
5.3.1	Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	98
5.3.2	Mahasiswa	99

5.3.3 Pihak Universiti	100
5.3.4 Pihak Majikan	101
5.4 Limitasi Kajian	102
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	103
5.6 Kesimpulan	105
RUJUKAN	107
LAMPIRAN	115

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
3.1 Jumlah Populasi Kajian	51
3.2 Jadual Penentu Saiz Sampel Krecie dan Morgan (1970)	53
3.3 Skala Likert	55
3.4 Latar Belakang Responden	56
3.5 Kemahiran Komunikasi	57
3.6 Kemahiran Profesionalisme	58
3.7 Kemahiran Literasi Teknologi	59
3.8 Kebolehpasaran Graduan	60
3.9 Skala Pekali Kolerasi	62
3.10 Keputusan Ujian Kolerasi Pearson (Validity Test)	63
3.11 Pekali Alpha Cronbach	65
3.12 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan (Reability Test)	66
3.13 Kaedah Penganalisisan Data Kuantitatif	69
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	73
4.2 Taburan Responden Mengikut Umur	74
4.3 Taburan Responden Mengikut Etnik	75
4.4 Taburan Responden Mengikut Jabatan	76
4.5 Taburan Responden Mengikut Program Pengajian	78
4.6 Keputusan Analisis Kepencongan (Skewess) dan (Kurtosis)	80
4.7 Data Outliers	82
4.8 Keputusan Pengujian Collinearity	84

4.9	Analisis Ringkasan Model Regresi Berbilang	85
4.10	Analisis ANOVA Regresi	86
4.11	Analisis Pekali Regresi Linear	87
5.1	Ringkasan Keputusan Ujian Regresi	92



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Data Penganggur Mengikut Kumpulan Umur dan Kelulusan Tertinggi Diperoleh Tahun 2022	10
1.2	Kerangka Konseptual	14
2.1	Kerangka Teori	35



SENARAI SINGKATAN

IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KI	Kemahiran Insaniah
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KKT	Kemahiran Komunikasi Interpersonal
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
FPE	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen
- B Borang Kesahan Pakar
- C Kesahan Instrumen 1
- D Kesahan Instrumen 2
- E Surat Memohon Data
- F Ujian *Validity*, Ujian *Reability*, Taburan Data Responden
- G Ujian Normaliti
- H Ujian *Outliers*
- I Ujian *Multicollinearity*
- J Keputusan Analisis Regresi Linear Pelbagai

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kekurangan kemahiran dalam kalangan graduan telah menjadi kebimbangan dalam dunia pendidikan tinggi kerana ianya mampu menjejaskan kebolehpasaran graduan. (Nur Adnin Halik Bassah & Mohd Asri Mohd Noor, 2023). Selaras dengan transformasi yang berlaku pada dunia kini, sesebuah organisasi amat memerlukan pekerja yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi. Tambahan pula, sesebuah negara sudah semestinya memerlukan keperluan modal insan yang tinggi bagi

membantu meningkatkan negara khususnya dalam ekonomi negara untuk mencapai matlamat negara maju dan membangun.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof Datuk Mohamad Shatar Sabran berkata Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu memikirkan cara untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan mereka kerana kebolehpasaran adalah merupakan elemen utama bagi meningkatkan reputasi di peringkat nasional serta antarabangsa. (Astro Awani, 2021). Oleh hal yang demikian, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlulah berusaha dalam melahirkan graduan-graduan yang berkualiti iaitu mereka mempunyai kemahiran insaniah dan juga mempunyai tahap kompetensi yang sangat tinggi sebagai kesediaan kebolehpasaran untuk dipasarkan dalam bidang pekerjaan nanti. Seseorang individu akan dianggap mempunyai tahap kompetensi yang tinggi apabila individu tersebut memiliki kombinasi sama ada daripada segi kemahiran, pengetahuan serta sikap yang sesuai dengan keperluan sesebuah organisasi. Justeru, strategi yang paling berkesan untuk melahirkan pekerja yang kompeten adalah dengan melahirkan graduan yang mempunyai kebolehcapaian yang berkualiti dengan kebolehpasaran yang tinggi sebelum menjejak ke dunia pekerjaan.

Menurut Mohd Firdaus Zulkifeli et al. (2022), kemahiran insaniah (KI) adalah aspek yang perlu dititikberatkan kepada semua pelajar supaya graduan yang dihasilkan adalah mengikut kehendak pasaran majikan sekarang. Konsep utama KI yang diterapkan kepada pelajar seperti kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran

berterusan, pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemahiran kepimpinan, proaktif serta etika dan integriti yang mana elemen-elemen ini penting untuk kesediaan kebolehpasaran graduan selepas tamat pengajian di universiti. Oleh itu, kemahiran insaniah dan kebolehpasaran graduan adalah saling berkait rapat antara satu sama lain kerana dengan kemahiran yang ada graduan mempunyai peluang memperolehi pekerjaan mengikut permintaan majikan pada masa kini. Manakala, majikan memerlukan pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran insaniah supaya dapat meningkatkan produktiviti organisasi mereka.

Menurut Ogendele (2023), kebolehpasaran adalah berkenaan dengan keupayaan, kuasa, autoriti, atau kecekapan seseorang individu untuk melaksanakan tugas yang diperlukan di tempat kerja. Dengan kata yang lain, kebolehpasaran adalah individu ataupun seseorang itu boleh berdikari dan juga mampu untuk bekerja sendiri dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, graduan yang ingin menceburi bidang pekerjaan tidak semata-mata lagi hanya bergantung dalam akademik, tetapi kualiti kebolehpasaran juga perlu dititikberatkan.

Akhir sekali, secara keseluruhan bab ini akan menjelaskan tentang kajian yang ingin dijalankan dan menghuraikan secara terperinci berkaitan latar belakang kajian yang akan dilaksanakan, pernyataan masalah yang timbul, objektif kajian yang hendak dicapai, persoalan kajian, hipotesis, kerangka konseptual untuk menerangkan secara jelas tentang kajian yang dilakukan, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan juga ringkasan bab.



1.2 Latar Belakang Kajian

Daya saing di peringkat global adalah amat penting kepada sesebuah negara dalam memacu perkembangan ekonomi seterusnya mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Untuk memperolehi daya saing yang tinggi di peringkat global, sesebuah negara perlu menitikberatkan aspek kebolehpasaran untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten. Namun, untuk meningkatkan lagi daya saing selaras dengan perkembangan ekonomi, setiap individu perlu meningkatkan kebolehpasaran selaras dengan bidang pekerjaan yang ditawarkan. Menurut Mohamed Khaled (2023), graduan perlu dibekalkan dengan ilmu kebolehpasaran dan beliau juga menggesa agar pihak universiti turut sama terlibat dalam menggerakkan pelbagai usaha bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Melihat dalam lambakan graduan ini, graduan memerlukan kemahiran kebolehpasaran kerana ianya dapat membantu graduan daripada pengangguran. Oleh itu, graduan perlu mempunyai kemahiran kebolehpasaran supaya majikan tidak berbelah bagi untuk mengambil sebagai pekerja dalam organisasi.

Menurut Mymetro (2020), Dekan Fakulti Teknikal dan Vokasional Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Dr Ridzwan Che Rus berkata, IPT boleh merancang program baharu dan sedia ada dengan kerjasama industri untuk memastikan kurikulum IPT relevan dengan keperluan industri. Walaupun IPT tidak semestinya mengikut 100 peratus acuan industri, namun kemahiran, pengetahuan dan sikap perlu dilatih serta diterapkan dalam graduan mengikut pasaran kerja yang bakal dimasuki graduan kelak. IPT wajib merancang kurikulum yang kalis masa depan dan





organik bagi melahirkan graduan yang dinamik, proaktif, inovatif, penyelesaian masalah dan kritis serta bercirikan keusahawanan. Ini adalah bagi menyediakan graduan dengan pelbagai cabaran mendatang tidak kira revolusi industri keempat atau kelima atau Masyarakat 5.0. Graduan yang mempunyai kemahiran yang kalis masa depan mampu menghadapi apa jua isu dan inovatif keluar dari masalah seperti pandemik Covid-19. Oleh itu, kajian kebolehpasaran ke atas graduan sangat penting bagi menyediakan graduan kita dengan kemahiran- kemahiran yang berdaya saing untuk digunakan di alam pekerjaan.

Kemahiran kebolehpasaran merupakan kemahiran yang perlu ada pada seseorang untuk berfungsi dengan berkesan dalam mencari hala tuju dan peluang kerjaya. Menurut Fadilla Ismail et al. (2021), kemahiran kebolehpasaran adalah merupakan kemahiran kritikal yang perlu dilengkapi bagi setiap individu supaya memenuhi keperluan pasaran pekerjaan kini. Justeru, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengambil inisiatif bersepadu bersama industri dalam memberi penekanan kepada beberapa kemahiran yang telah dikenal pasti memberikan impak kepada mahasiswa dalam kokurikulum dan kurikulum sepanjang pengajian di institusi bagi memastikan bakal graduan mempunyai kompeten, berketerampilan dan mampu bersaing dalam era global. Berikut adalah tujuh kemahiran kebolehpasaran yang telah ditetapkan oleh KPT, iaitu:

- i. Kemahiran Komunikasi
- ii. Kemahiran Kepimpinan





- iii. Kemahiran Penyelesaian Masalah
- iv. Kemahiran Keusahawanan
- v. Kemahiran Kerja Berpasukan
- vi. Kemahiran Etika dan Moral Professional
- vii. Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Kemahiran Pengurusan Maklumat

Kemahiran kebolehpasaran yang disenaraikan KPT sememangnya merupakan kemahiran yang perlu ada pada seseorang untuk berfungsi dengan berkesan dalam mencari hala tuju mahupun dalam mencari peluang pekerjaan. Namun, menyedari kepentingan kemahiran komunikasi, kemahiran profesionalisme dan kemahiran literasi teknologi sebagai kemahiran yang sangat penting kepada kebolehpasaran terutamanya dalam kalangan graduan. Kemahiran Komunikasi Interpersonal (KKI) dan kemahiran kerja berpasukan merupakan salah satu elemen kemahiran yang disenaraikan oleh KPT. Individu yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik akan membawa kepada kerja berpasukan yang baik kerana kemahiran komunikasi melibatkan salah satu konstruk dalam proses pembelajaran iaitu kemahiran kerja berpasukan. Kemahiran komunikasi melambangkan keperibadian seseorang individu dan menyebabkan kemahiran ini diambil kira oleh kebanyakan pihak majikan untuk menjayakan visi dan misi organisasi mereka. Malah, kebanyakan majikan sangatlah memberikan keutamaan kepada calon pekerja yang memiliki kemahiran komunikasi yang baik kerana mereka secara tidak langsung akan mampu memahami corak sosio-ekonomi semasa serta mampu bekerja secara berpasukan. (Nor Suriati Othman & Kamarul Shukri Mat Teh, 2022).





Menurut Fadillah Ismail et al. (2021), kemahiran profesional memainkan peranan penting dalam mengasah keperibadian seseorang yang cemerlang. Hal ini disebabkan, kemahiran profesional merupakan salah satu kemahiran yang melibatkan etika, integriti dan moral yang tinggi. Kebanyakan majikan menyatakan bahawa pengabaian terhadap pembangunan dan pemantapan etika, moral dan integriti dalam diri setiap individu telah menjadi virus kepada sikap dan tingkah laku dan ianya akan menjejaskan imej dan reputasi organisasi. Oleh hal yang demikian, kemahiran profesionalisme sangatlah penting kerana kemahiran ini mampu menjadi benteng kepada berlakunya gejala rasuah, penyelewengan mahupun penyalahgunaan kuasa dalam sesebuah organisasi.

Menurut Nur Sheilla Saida Abdullah dan Zuber Abd Majid (2022), kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran-kemahiran yang telah dikenal pasti sebagai kemahiran penting yang perlu ada pada setiap modal insan yang akan memasuki alam pekerjaan. Kemahiran-kemahiran tersebut adalah kemahiran literasi teknologi, maklumat dan komunikasi, kreatif dan inovatif dan sebaiganya. Di sini dapat disimpulkan bahawa, kemahiran literasi teknologi adalah sangat penting kerana sama ada pihak kerajaan mahupun industri telah banyak melaksanakan perubahan besar terutamanya dalam mendigitalkan perkhidmatan mereka agar terus kekal berfungsi dan kekal bersaing dalam pasaran. Menurut Nur Sheilla Saida Abdullah dan Zuber Abd Majid (2022), juga menyatakan penawaran pengajian di IPT perlu sentiasa dikemas kini agar selari dengan keperluan industri dan seiring dengan perubahan teknologi. Justeru, IPT perlu memperbanyakkan penawaran program berdasarkan keperluan pekerjaan digital kerana kemahiran literasi adalah sangat penting buat graduan untuk memperolehi pekerjaan selepas sahaja menamatkan pengajian di





universiti. Menurut Sinar Harian (2021), dunia pekerjaan masa kini bukan hanya menuntut graduan untuk cemerlang dalam bidang akademik, tetapi mereka juga perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi supaya dapat bersaing di pasaran kerja global. Oleh itu, graduan yang melengkapkan diri dengan kemahiran kebolehpasaran tidak akan mengalami kesukaran mendapatkan pekerjaan dalam masa yang singkat ataupun selepas menamatkan pengajian.

1.3 Pernyataan Masalah

Lebih 90,000 graduan akan berdepan dengan masalah pengangguran akibat kekurangan peluang pekerjaan di samping pengeluaran lepasan universiti secara berlebihan oleh institusi pendidikan tinggi tempatan serta Kajian Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA) mendedahkan bahawa secara purata, terdapat 224,000 graduan lepasan universiti setiap tahun. (Mymetro, 2023). Hal ini menyebabkan wujudnya persaingan sengit antara graduan untuk memasuki alam pekerjaan. Berdasarkan masalah pengangguran yang dikaitkan pada masa kini, isu ini telah menarik minat penyelidik untuk meneliti masalah pengangguran graduan. Oleh hal yang demikian, isu kebolehpasaran graduan semakin dipandang serius serta menjadi topik perbualan ramai ekoran peningkatan pengangguran di kalangan graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).






Pada zaman yang semakin berkembang ini, isu berkaitan kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan graduan semakin merisaukan pelbagai pihak. Perkara ini disokong melalui kajian Nur Shakirah Sarifudin dan Mohd Izwan Mahmud (2022): Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (2021), STATISTIK pengangguran dalam kalangan belia dicatatkan pada kadar 12.0 peratus yang mana hampir tiga kali ganda lebih berbanding kadar pengangguran Negara. Ini menunjukkan bahawa pandemik covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularannya memberi kesan kepada kadar pengangguran di Malaysia dan seluruh dunia (Mymetro, 2023). Oleh hal yang demikian, kemahiran kebolehpasaran sangatlah penting pada ketika ini terutamanya dalam konteks graduan kerana mereka merupakan individu yang selangkah lagi untuk memasuki alam pekerjaan. Malah, kesukaran memperolehi pekerjaan dan isu pengangguran siswazah juga amatlah berkait rapat dengan kekurangan kemahiran kebolehpasaran graduan untuk memasuki alam pekerjaan. Laporan daripada Survei Tenaga Buruh, Malaysia (2022), Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar pengangguran dan bilangan penganggur yang tinggi daripada golongan yang mempunyai kelulusan tinggi. Berikut adalah data penganggur mengikut kumpulan umur dan kelulusan tertinggi diperoleh tahun 2022:



RMK 12 GUNA TENAGA DASAR

PENGANGGUR MENGIKUT KUMPULAN UMUR DAN KELULUSAN TERTINGGI DIPEROLEH, MALAYSIA, 2022



18

STATISTIK PEKERJAAN & PERBURUHAN SIRI 37 BIL. 3/2023

Rajah 1.1 Data Penganggur Mengikut Kumpulan Umur dan Kelulusan Tertinggi Diperoleh Tahun 2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2023)

Menurut Menteri Sumber Manusia, Sivakumar (2023), “Malaysia menghadapi ketidakpadanan antara kemahiran yang diperlukan oleh majikan dengan kemahiran yang dimiliki oleh pencari kerja, dan ini telah menjejaskan kebolehpasaran individu serta keupayaan industri kita untuk berkembang”. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa, graduan tempatan yang telah tamat pengajian adalah tidak memenuhi permintaan majikan terutamanya dari segi kemahiran kebolehpasaran yang ditampilkan. Malaysia kini telah menghadapi kekurangan pekerja dengan kemahiran kebolehpasaran yang sangat tinggi untuk diambil sebagai pekerja dan sebagai individu yang dapat meningkatkan lagi industri di negara kita. Kini, semua majikan menuntut budaya kerja yang berprestasi tinggi dan diperkaya dari segi kemahiran kebolehpasaran. Majikan kini juga mencari pekerja dengan kemahiran kebolehpasaran yang tinggi dan di luar kelayakan akademik calon. Oleh itu, jangkaan majikan telah berubah pada masa kini kerana majikan lebih memilih kemahiran kebolehpasaran berbanding kelayakan akademik. (Asmat Nawaz Khattak et al., 2023).

Menurut Noor Malinjasari et al. (2023), memastikan bakal pekerja mempunyai kemahiran yang diperlukan adalah merupakan priority utama di kalangan pemimpin dunia perniagaan. Bakal pekerja yang tidak dibekalkan dengan kualiti yang betul akan menyebabkan mereka tidak dipertimbangkan dalam dunia pekerjaan. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi satu cabaran kepada bakal graduan untuk menyiapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran agar boleh diambil bekerja serta dapat mengatasi halangan utama dalam pasaran yang sentiasa berubah-ubah ini. Namun, graduan juga perlu diberikan ruang dan peluang dalam dunia pekerjaan supaya membolehkan graduan untuk menimba pengalaman industri sekaligus dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka. (Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim & Umi Maisarah Kamis,



2023). Bagaimana graduan boleh meningkatkan kemahiran kebolehpasaran yang diperlukan oleh majikan dan dapat memenuhi keperluan pasaran sekiranya graduan tidak memperolehi pengalaman dalam bekerja. Oleh hal yang demikian, graduan tidak memenuhi keperluan pasaran kerana kekurangan di dalam prestasi kerja sebenar dengan prestasi yang diharapkan oleh majikan. (Azharina Azman et al., 2023). Oleh itu, kemahiran kebolehpasaran perlu diberikan penekanan dan perlu dipersoalkan iaitu sejauh manakah mahasiswa bersedia untuk menghadapi dunia sebenar apabila menamatkan pengajian.

Menurut Berita Harian (2023), isu “Ijazah Graduan Tak laku, sukar mendapat pekerjaan” juga menarik minat penyelidik untuk mengkaji kemahiran kebolehpasaran graduan. Hal ini disebabkan, terdapat segelintir individu yang berpendapat bahawa pengangguran graduan disebabkan bidang pengajian yang ditawarkan kurang mendapat perhatian majikan dan pasaran kerana kurang menitikberatkan dan mengaplikasikan kemahiran kebolehpasaran dalam bidang pengajian tersebut. Namun, menurut Berita Harian Online (2023), masalah tidak diambil bekerja bukanlah disebabkan ijazah yang tidak laku, tetapi disebabkan beberapa sebab yang perlu dititiberatkan majikan. Justeru, jika graduan tidak menitikberatkan kemahiran kebolehpasaran ia juga boleh menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan dalam mana-mana industri kerana majikan akan mengambil graduan yang memiliki kemahiran yang tinggi bagi meningkatkan prestasi organisasi mereka.

Oleh itu, bagi menangani masalah ini para graduan harus mempunyai elemen-elemen kemahiran kebolehpasaran serta mempersiapkan diri mereka dengan



kemahiran kebolehpasaran di samping cermelang dalam bidang akademik. Kemahiran-kemahiran ini sudah semestinya akan dapat membezakan mereka yang berjaya mendapatkan pekerjaan dengan mereka yang menganggur.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menentukan pengaruh kemahiran komunikasi ke atas kebolehpasaran graduan.
2. Menentukan pengaruh kemahiran profesionalisme ke atas kebolehpasaran graduan.
3. Menentukan pengaruh kemahiran literasi teknologi ke atas kebolehpasaran graduan.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah dengan tujuan untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

1. Adakah kemahiran komunikasi mempengaruhi kebolehpasaran graduan?
2. Adakah kemahiran profesionalisme mempengaruhi kebolehpasaran graduan?
3. Adakah kemahiran literasi teknologi mempengaruhi kebolehpasaran graduan?

1.6 Hipotesis Kajian


H1: Kemahiran komunikasi mempengaruhi kebolehpasaran graduan secara signifikan.

H2: Kemahiran profesionalisme mempengaruhi kebolehpasaran graduan secara signifikan.

H3: Kemahiran literasi teknologi mempengaruhi kebolehpasaran graduan secara signifikan.

1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual ini dibentuk bersesuaian dengan objektif pengkaji iaitu pengaruh kemahiran komunikasi, kemahiran profesionalisme dan kemahiran literasi teknologi ke atas kebolehpasaran graduan. Kerangka konseptual bagi kajian ini adalah seperti Rajah 1.2.



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan sumbangan dan juga mempunyai banyak kepentingan. Antara sumbangan kajian yang dijalankan oleh pengkaji ialah memudahkan pihak pengkaji lain yang ingin meneruskan kajian berkaitan kebolehpasaran graduan ini. Hal ini bermaksud, kebanyakan artikel yang telah dirujuk oleh pengkaji yang mana kebanyakannya memfokuskan kepada satu kemahiran sahaja berbanding kajian yang dijalankan oleh pengkaji yang memfokuskan terus kepada tiga kemahiran iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran profesionalisme dan juga kemahiran literasi teknologi.

Seterusnya, kajian ini mempunyai banyak kepentingan iaitu diharapkan dapat memberikan maklumat yang jelas tentang tahap kesediaan dalam aspek kemahiran kebolehpasaran kepada mahasiswa dan pihak-pihak berkepentingan seperti Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pihak universiti, pensyarah serta majikan. Antara kepentingan kajian adalah seperti yang berikut:

1.8.1 Mahasiswa

Kemahiran kebolehpasaran adalah merupakan satu “*guideline*” terutamanya kepada mahasiswa untuk kebolehpasaran mereka bagi mendapatkan pekerjaan di pasaran mengikut bidang masing-masing selepas menamatkan pengajian. Mahasiswa dituntut untuk melengkapi diri dengan pelbagai kemahiran, menonjolkan kebolehan diri dan kelulusan akademik secara seiring bagi memenuhi pasaran kerja. Graduan yang

cenderung menghadapi kegagalan adalah disebabkan hanya menunjukkan kelayakan akademik semata-mata dan tidak menunjukkan kemahiran kebolehpasaran diri masing-masing. (Nur Farahida Tahrir et al., 2023). Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada mahasiswa mengenai kepentingan kemahiran kebolehpasaran yang diperlukan dalam diri seseorang apabila memasuki alam pekerjaan.

Selain itu, melalui kajian, mahasiswa juga dapat mengetahui kemahiran kebolehpasaran yang ada pada diri mereka dan membantu mahasiswa memperbaiki diri terhadap kemahiran kebolehpasaran yang kurang pada diri mahasiswa. Malah, kajian juga dapat membantu meningkatkan kemahiran kebolehpasaran supaya mahasiswa mempersiapkan diri dalam memastikan mereka mampu bersaing untuk mendapatkan pekerjaan yang dikehendaki selepas menamatkan pengajian. Oleh itu, hasil kajian ini dapat memberikan satu gambaran yang jelas kepada mahasiswa tentang kemahiran kebolehpasaran terutamanya kemahiran komunikasi, kemahiran profesionalisme dan kemahiran literasi teknologi iaitu yang diperlukan semasa memasuki alam pekerjaan.

1.8.2 Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Menurut Nur Dini Eznee Rameshan dan Mohamad Isa Hamzah (2022), pentingnya kemahiran kebolehpasaran graduan kerana ianya menjadi cerminan terhadap mutu pendidikan semasa dan juga menunjukkan kemahiran yang ada dalam diri seseorang graduan itu. Oleh hal yang demikian, IPT perlu memberikan fokus utama kepada



peningkatan kemahiran kebolehpasaran graduan. Kajian ini membantu untuk menyedarkan IPT betapa pentingnya kemahiran kebolehpasaran dan juga membantu IPT untuk mengetahui sama ada mahasiswa tahu ataupun tidak betapa pentingnya kemahiran kebolehpasaran ini selepas tamat pengajian.

Pada permulaannya, kajian ini mungkin menyedarkan IPT untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan di universiti supaya menerapkan program-program pengajian berdasarkan kemahiran-kemahiran kebolehpasaran. Tambahan pula, dengan kajian ini pihak IPT dapat memikirkan alternatif-alternatif supaya dapat melahirkan graduan yang bersifat global yang mana graduan tersebut mampu mempamerkan kemahiran yang dimiliki sehingga ke peringkat yang lebih besar. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menyatakan iaitu semakin tinggi kadar kebolehpasaran graduan, semakin tinggi kualiti graduan yang dihasilkan oleh pihak IPT dan ianya akan berupaya memenuhi permintaan industri negara kita. Kerjasama daripada semua pihak adalah amat penting bagi memastikan kadar kebolehpasaran graduan terus meningkat. Oleh itu, kajian ini sedikit sebanyak mampu memberikan kesedaran khususnya pihak IPT supaya mengambil langkah untuk memastikan kadar kebolehpasaran graduan dapat ditingkatkan selaras dengan permintaan industri.

.

1.8.3 Pihak Universiti

Kajian ini dapat membantu pihak universiti dalam membuat pembaharuan ataupun persediaan yang lengkap dalam transformasi pelaksanaan universiti supaya dapat merangka strategi-strategi untuk meningkatkan kemahiran kebolehpasaran





mahasiswa. Melalui kajian ini, pihak universiti juga akan mengetahui kesediaan pelajar terhadap kemahiran kebolehpasaran mereka yang diperlukan semasa alam pekerjaan nanti. Oleh hal yang demikian, pihak universiti dapat mengatur program-program ataupun aktiviti yang sesuai untuk membantu mahasiswa meningkatkan kemahiran kebolehpasaran serta membantu pihak universiti menuju kearah kejayaan pelaksanaan universiti. Sebagai graduan kita perlu bijak mengintai peluang untuk meningkatkan kebolehan diri kerana banyak sahaja program dan kursus seperti program kepimpinan telah dilaksanakan di universiti yang mampu dimanfaatkan sebagai nilai tambah dalam diri kita. (Nur Dini Eznee Rameshan dan Mohamad Isa Hamzah, 2022). Oleh itu, pihak universiti boleh manjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk mengurangkan kadar pengangguran graduan iaitu dengan melaksanakan pelbagai program yang boleh meningkatkan kemahiran kebolehpasaran dalam diri graduan.



1.8.4 Pihak Pensyarah

Pensyarah adalah salah satu individu yang bertanggungjawab terhadap kebolehpasaran graduan yang mana pensyarah memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan graduan dalam sesuatu sistem pendidikan. Menurut Noor Indon Abdul Samad dan Akma Che Ishak (2022), pensyarah telah melaksanakan peranannya dengan sebaik yang mungkin dalam menerapkan kemahiran kebolehpasaran di dalam pengajian terutamanya menerapkan kemahiran komunikasi. Mahasiswa akan mengalami masalah apabila bergelar graduan kelak sekiranya kemahiran kebolehpasaran ini gagal diterapkan ketika di alam pendidikan. (Noor Indon Abdul Samad & Akma Che Ishak, 2022). Oleh hal yang demikian, kajian ini penting bagi





pihak pensyarah untuk memperolehi maklum balas daripada kajian supaya mengetahui sama ada mahasiswa memperolehi dan dapat meningkatkan kemahiran kebolehpasaran ataupun sebaliknya semasa mengikuti kursus pengajian. Oleh itu, melalui kajian ini pihak pensyarah sedar akan kepentingan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan graduan dan seterusnya pihak pensyarah mempunyai ruang dan peluang untuk mencari kaedah yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan mahasiswa.

1.8.5 Pihak Majikan

Majikan kini sangatlah mengutamakan graduan yang memiliki kemahiran kebolehpasaran kerana kemahiran kebolehpasaran adalah merupakan kemahiran yang sangat diperlukan untuk memenuhi keperluan industri. (Nur Farahida Tahrir et al., 2023). Kemahiran kebolehpasaran graduan juga adalah sebagai satu kempentensi untuk mencapai objektif organisasi dalam menyesuaikan diri dengan kemahiran mereka yang perlu memenuhi harapan majikan. (Noor Malinjasari Ali et al., 2023). Melalui kajian ini, mahasiswa akan dapat mengenal pasti kemahiran kebolehpasaran mereka khususnya terhadap kemahiran komunikasi, kemahiran profesionalisme dan kemahiran literasi teknologi. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung akan memberikan sumbangan kepada majikan kerana pihak majikan boleh memperolehi pekerja yang mahir dan berkebolehan dari pelbagai aspek kerana graduan telah menyedari kepentingan kemahiran kebolehpasaran ini dan mula melengkapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran untuk meningkatkan kualiti kerja.



1.9 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian di dalam kajian ini yang akan memberikan kesan kepada hasil kajian. Kajian ini mempunyai batasan kajian yang merangkumi skop kajian, masa, sampel kajian dan juga lokasi kajian. Berikut merupakan batasan kajian:

1.9.1 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh kemahiran komunikasi, kemahiran profesional dan kemahiran literas teknologi ke atas kebolehpasaran graduan. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan melibatkan hanya tiga elemen kemahiran kebolehpasaran iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran profesional dan kemahiran literas teknologi.

1.9.2 Masa

Pengkaji juga mempunyai batasan dari segi masa yang mana masa yang begitu terhad untuk pengkaji mendapatkan data daripada responden. Hal ini bermaksud, pengkaji perlu mengambil masa yang lama untuk mendapatkan maklum balas yang diedarkan melalui soal selidik atas talian (*Google Form*). Selain itu, pengkaji juga perlu menyiapkan keseluruhan kajian dalam tempoh masa yang telah ditetapkan iaitu sepanjang satu semester.

1.9.3 Sampel Kajian

Kajian ini juga membataskan kajian yang mana hanya melibatkan graduan ijazah sarjana muda yang merupakan mahasiswa tahun akhir iaitu mahasiswa semester 7 Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bilangan responden ataupun bilangan sampel yang terlibat adalah seramai 214 orang iaitu daripada populasi seramai 485 orang mahasiswa semester 7 FPE, UPSI.

1.9.4 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang terletak di Tanjong Malim, Perak. Terdapat banyak fakulti di UPSI namun pengkaji telah membataskan kajian iaitu hanya Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) untuk mendapatkan responden. Hal ini kerana, penyelidik ingin mensasarkan responden daripada mahasiswa semester 7 yang mana merupakan pelajar tahun akhir di UPSI. Pengkaji dapati lokasi kajian yang dipilih adalah memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan mengumpul data daripada responden.

1.10 Definisi Operasional Kajian

Berikut adalah merupakan definisi operasional yang memberikan perincian makna dan definisi bagi setiap terma yang terdapat dalam kajian ini. Antara terma-terma yang digunakan adalah seperti yang berikut:



1.10.1 Kemahiran

Menurut Nor Suriati dan Kamarul (2022), kemahiran bermaksud kecekapan ataupun kepandaian yang mana maksudnya bersinonim dengan terlatih, berkebolehan, berpengalaman, berbakat, serba boleh, pandai, cekap dan kompeten. Hal ini demikian, melalui definisi, kita dapat mengetahui bahawa seseorang individu amatlah memerlukan kemahiran kerana dengan kemahiran membolehkan individu itu membuat sesuatu tugas mengikut kepandaian dan juga kecekapannya. Oleh itu, dalam konteks kajian ini kemahiran merujuk kepada kebolehan dan keupayaan seseorang graduan untuk bekerja di alam pekerjaan.

1.10.2 Kemahiran Kebolehpasaran

Kemahiran kebolehpasaran merupakan kemahiran yang bukan dari aspek teknikal sahaja yang mana ianya juga sangat berkait rapat dengan personaliti dan sikap yang perlu ada bagi seseorang graduan untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan. (Noor Indon Abdul Samad & Akma Che Ishak, 2022). Semua pelajar perlu didedahkan dengan kemahiran kebolehpasaran kerana kemahiran ini sangat dititikberatkan oleh majikan dalam pemilihan pekerja untuk memastikan pelajar mudah mendapatkan pekerjaan, mampu mengekalkan pekerjaan untuk tempoh yang lama serta membolehkan mereka lebih berdaya saing dalam pasaran tenaga kerja. (Terancy Barajing Demin & Mimi Mohaffyya Mohamad, 2023).

Menurut Adnin dan Asri (2023), kemahiran kebolehpasaran didefinisikan sebagai kesediaan kerjaya. Kesediaan kerjaya yang dimaksudkan adalah mempunyai





pengetahuan, kemahiran dan strategi pembelajaran yang memberikan hasil kepada individu termasuk kesediaan untuk bekerja, menjalani latihan sambil bekerja dan kesan tingkah laku di tempat kerja. Maka, dalam kajian ini kemahiran kebolehpasaran boleh didefinisikan sebagai satu keperluan yang perlu ada dalam setiap individu sebelum memasuki dunia pekerjaan.

1.10.3 Profesionalisme

Profesionalisme adalah pemikiran atau sikap seseorang individu yang mencerminkan kecekapan dan juga aspek pengetahuan iaitu untuk membentuk profesionalisme yang tinggi, seseorang individu tersebut harus mempunyai elemen kritikal dalam sikap, tingkah laku malah dari segi komunikasi ataupun pertuturan. (Corrienna Abdul Talib et.al, 2023). Profesionalisme juga merupakan satu tingkat pendidikan formal dan latihan-latihan khusus yang harus dimiliki oleh pekerja untuk sesuatu jawatan dalam organisasi yang mana pekerja mampu menyelesaikan sesuatu pekerjaannya secara efektif, efisien dan berdisiplin. (Novitanti & Rahayu Situmorang, 2023). Oleh itu, kajian ini dapat melihat profesionalisme mahasiswa terhadap kebolehpasaran selepas menamatkan pengajian.

1.10.4 Komunikasi

Menurut Nor Suriati & Kamarul (2022), komunikasi boleh ditakrifkan sebagai mesej yang disampaikan sehingga menjadikan maklumat tersebut sebagai milik bersama antara penyampai dan pendengar daripada sudut maklumat, kefahaman, kemahiran serta kepercayaan. Menurut Dewi Annisa dan Asaas Putra (2023), komunikasi juga





adalah proses dimana suatu idea yang ingin disampaikan akan dialihkan oleh penghantar kepada satu atau lebih penerima supaya memperoleh maklumat dan mengubah tingkah laku mereka mengikut maklumat yang disampaikan. Komunikasi juga tidak hanya terbatas pada bahasa verbal kerana walaupun kita tidak dalam keadaan berbicara, namun hal ini termasuk dalam bentuk lain komunikasi iaitu komunikasi yang diekspresikan melalui bahasa tubuh, ekspresi wajah serta suara-suara non-linguistic dan Komunikasi juga merupakan perpindahan suatu makna melalui suara, tanda, bahasa tubuh dan simbol. (Okarisma Mailani et al., 2022).

1.10.5 Literasi Teknologi

Literasi teknologi didefinisikan sebagai keupayaan untuk menggunakan teknologi yang relevan untuk keberkesanan dan tanggungjawab komunikasi, untuk mencari jalan penyelesaian kepada pelbagai isu, memperoleh maklumat yang tepat dan mencipta maklumat untuk proses pembelajaran yang lebih baik. Malah, literasi teknologi juga ialah mengetahui apa yang boleh dilakukan dengan teknologi serta cara menggunakan teknologi dengan cekap. (Etem Yesilyurt & Rabia Vezne, 2023). Oleh itu, dalam kata yang lain literasi teknologi ini ialah kepakaran dalam menggunakan teknologi, mempunyai pengetahuan berkaitan peranti teknologi serta mampu menyelesaikan masalah dengan menggunakan teknologi.

1.10.6 Graduan

Graduan adalah mahasiswa yang akan menerima ijazah pada hari penyampaian ijazah dan graduan dalam konteks tenaga kerja juga adalah merupakan individu yang



memerlukan kemahiran kebolehpasaran dan sentiasa menjadi prediktor yang sangat penting. (Noor Malinjasari et al, 2023). Oleh itu, graduan yang diperlukan oleh organisasi adalah graduan yang mempunyai kemahiran teknikal yang baik, pengalaman kerja, personaliti dan motivasi diri untuk bekerja walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

1.11 Ringkasan Bab

Secara keseluruhannya, bab ini telah memberi satu gambaran yang jelas dalam menghuraikan perkara yang menjadi hala tuju kajian iaitu memberikan fokus khusus kepada pengaruh kemahiran komunikasi, kemahiran profesionalisme dan kemahiran literasi teknologi ke atas kebolehpasaran graduan. Seterusnya, bab ini juga menghuraikan secara terperinci berkaitan aspek latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, kerangka konseptual kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan menerangkan dengan jelas definisi operasional kajian.